

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>MCIS Insurance Berhad</b>
<b>Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan MyLife Protect. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.</b>	<b>MyLife Protect</b>
	<b>10/02/2025</b>

### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

MyLife Protect adalah pelan bertempoh premium berkala, tanpa penyertaan yang memberikan perlindungan untuk kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK).

Pelan ini tidak mempunyai sebarang nilai serahan kerana ia adalah pelan perlindungan tulen.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Asas Diinsuranskan	= RM 500,000
Tempoh Polisi	= 30 tahun
Tempoh Bayaran Premium	= 30 tahun

Polisi ini melindungi:

<b>Kematian</b>	Apabila berlakunya kematian Hayat yang Diinsuranskan, 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan tolak manfaat HUMK yang telah dibayar dan tolak sebarang keterhutangan akan dibayar.
<b>Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)</b>	<p>Apabila berlakunya HUMK Hayat yang Diinsuranskan, 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan tolak sebarang keterhutangan akan dibayar, dalam tempoh 6 bulan dari tarikh diagnosis. Manfaat HUMK adalah dipercepatkan atas Manfaat Kematian dan sehingga tahun 70 pada hari jadi berikutnya.</p> <p>Jumlah maksimum yang perlu dibayar bagi mana-mana satu hayat sekiranya berlaku HUMK terhadap kepada RM 2,000,000 untuk Polisi dan semua polisi hayat yang dikeluarkan oleh MCIS Insurance Berhad termasuk sebarang kontrak tambahan. Baki jumlah diinsuranskan akan dibayar apabila kematian Hayat yang Diinsuranskan jika Polisi berkuatkuasa pada masa kematian atau pada tarikh matang/tamat, yang mana terkemudian dan seterusnya Polisi akan ditamatkan.</p>

Manfaat-manfaat dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM ([layari www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Jumlah premium yang perlu dibayar dan terma polisi mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan MCIS Insurance Berhad.
- Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar adalah: RM 150 setiap bulan.
- Tempoh premium: 30 tahun.
- Kadar premium adalah terpakai bagi risiko standard. Premium adalah setara dan terjamin sepanjang Tempoh Polisi.

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Tiada yuran dan caj bagi pelan ini.

### 5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan – Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti umur dan keadaan perubatan dengan betul.
- Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan perlindungan insurans dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan Polisi. Premium yang anda telah bayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dibayar balik kepada anda tanpa faedah.

- Tempoh Tangguh – Tempoh tangguh adalah 30 hari untuk kekerapan bayaran premium bulanan dan 45 hari untuk kekerapan bayaran premium tahunan, setengah tahun, dan suku tahun.
- Nilai Serahan – Tiada nilai serahan untuk Polisi. Oleh itu, tiada jumlah yang akan dibayar oleh MCIS Insurance Berhad apabila anda menyerahkan Polisi.
- Prosedur Tuntutan – Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur dan borang tuntutan daripada laman web korporat kami di [www.mcis.my](http://www.mcis.my), hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami atau mengunjungi cawangan yang terdekat dengan anda.
- Anda hendaklah membaca dan memahami pelan insurans dan menghubungi MCIS Insurance Berhad terus untuk maklumat lanjut.
- Jika anda bertukar pelan insurans anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat polisi.*

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

### Manfaat Kematian

Pelan ini tidak melindungi kematian secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian, oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:

- Kematian Hayat yang Diinsuranskan akibat bunuh diri sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 13 bulan dari Tarikh Pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih kemudian; atau
- Kematian Hayat yang Diinsuranskan akibat pertarungan atau akibat kecederaan diri sendiri yang disengajakan sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 13 bulan dari Tarikh Pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih kemudian; atau
- Kematian Hayat yang Diinsuranskan ketika melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau daripada pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang.

Jika berlaku mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas, liabiliti MCIS Insurance Berhad terhad kepada bayaran balik premium yang telah dibayar tanpa faedah, dan Polisi akan tamat selepas itu.

### Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

Pelan ini tidak melindungi sebarang Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana daripada kejadian berikut:

- Percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan semasa waras atau tidak waras; atau
- Perkhidmatan tentera atau tentera laut pada masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa di bawah arahan untuk operasi seperti peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- Memasuki, mengendalikan atau servis, menjadi penumpang, menaiki atau menuruni sebarang peralatan atau kenderaan udara kecuali semasa Hayat yang Diinsuranskan berada dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial dalam perjalanan penumpang terjadual biasa mengikut laluan penumpang sedia ada; atau
- Jangkitan oportunistik dan neoplasma malignan jika pada masa ketidakupayaan, Hayat yang Diinsuranskan mengalami kekurangan daya tahan penyakit; atau
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal yang telah wujud pada Tarikh Pengeluaran atau pada tarikh penguatkuasaan semula bagi Hayat yang Diinsuranskan di bawah Polisi; atau
- Penyertaan dalam mana-mana sukan atau hobi atau aktiviti berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjun bungee, mendaki batu atau mendaki gunung, aktiviti dalam air, apa-apa jenis perlumbaan selain daripada menggunakan kaki; atau
- Melakukan, cuba atau memprovokasi serangan atau feloni atau dari mana-mana pelanggaran undang-undang oleh Hayat yang Diinsuranskan.
- Jangkitan oportunistik termasuk tetapi tidak terhad kepada pneumonia pneumosisis carinii, organisma enteritis kronik, jangkitan virus dan/atau jangkitan kulat tersebar.
- Neoplasma malignan termasuk tetapi tidak terhad kepada sarkoma Kaposi, limfoma sistem saraf pusat, leukemia sel berbulu dan/atau kemalignan lain yang kini diketahui atau sudah diketahui sebagai punca khusus ketidakupayaan atau kematian dengan wujudnya kekurangan daya tahan penyakit.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi.*

## 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Pembelian polisi hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Walau bagaimanapun anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis kepada MCIS Insurance Berhad. Setelah pembatalan, tiada nilai serahan akan dibayar.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk maklumat perhubungan penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

## 9. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* yang berkaitan yang terdapat di [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**MCIS Insurance Berhad** No. Pendaftaran 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : P.O. Box 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)

Laman Utama: [www.mcis.my](http://www.mcis.my)

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

## 10. Lain-lain jenis perlindungan yang serupa tersedia

Sila rujuk kepada MCIS Insurance Berhad atau wakil jualan kami untuk jenis pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

### NOTA PENTING

**MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMENT KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN SITUASI PERIBADI ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**SEKIRA TERDAPAT KONFLIK TAFSIRAN ANTARA BAHASA INGGERIS DAN BAHASA MALAYSIA ATAU KEKABURAN YANG TIMBUL DARIPADA TERJEMAHAN KEPADA BAHASA MALAYSIA, TEKS BAHASA INGGERIS DAN TAFSIRANNYA AKAN DIUTAMAKAN.**

Maklumat yang diberikan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 10/02/2025.